05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAHAP KESEDIAAN PELAJAR PENDIDIKAN PERAKAUNAN MENEMPUHI PROFESION PERGURUAN

NURZAHASLINDA AB JALIL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2005

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAHAP KESEDIAAN PELAJAR PENDIDIKAN PERAKAUNAN MENEMPUHI PROFESION PERGURUAN

NURZAHASLINDA AB JALIL

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN PERAKAUNAN.

FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2005

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

21.12.2005

NURZAHASLINDA AB JALIL

200301232

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.Syukur Alhamdulillah , dengan limpah kurnia-Nya maka disertasi kertas projek PAF 6006 sebagai memenuhi keperluan Pengijazahan Sarjana Pendidikan (Perakaunan) dapat diselesaikan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia, Encik Abdullah bin Jusoh yang tidak putus-putus memberikan semangat dan tunjuk ajar sepanjang proses penulisan projek ini dijalankan. Tanpa tunjuk ajar yang berterusan daripada beliau dan izin Allah Yang Maha Besar mungkin penulisan ini tidak dapat dihasilkan dengan bagus.

Selain itu, ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada pensyarah Cik Rusliza Yahaya kerana sudi meluangkan sedikit masa membaca dan memberi komen keatas penulisan yang sedang dilakukan.

Buat keluarga, anak dan suami tersayang terima kasih atas pengertian. Tanpa semangat dan pengorbanan yang diberikan mungkin agak sukar untuk saya menghabiskan penulisan ini.

Buat rakan-rakan di Kolej UNITI, terima kasih atas bantuan yang dihulurkan. Rakan-rakan yang tidak jemu membaca penulisan ini bagi memastikan tiada kesalahan tatabahasa dan ejaan, ribuan terima kasih diucapkan.

Seterusnya ucapan terima kasih saya ucapkan kepada pelajar-pelajar perakaunan UPSI yang akan mengikuti latihan praktikum semester ini, kerana sudi menjawab soal selidik yang diedarkan. Semoga kalian bakal menjadi guru yang berdedikasi dan disayangi.

Akhirnya terima kasih buat semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses penulisan disertasi ini. Saya berharap penyelidikan ini mendapat pandangan yang positif supaya ketidaksempurnaannya dapat diperbaiki oleh pihak lain pada masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	M/S
ISI KANDUNGAN	II
SENARAI JADUAL	IV
SENARAI RAJAH	IV
ABSTRAK	V
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	5
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Batasan Kajian	12
BAB II : TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Minat	15
2.3 Strategi Instruksional	17
2.4 Pengetahuan Kurikulum	21
2.5 Jantina Dalam Profesion Perguruan	25
2.6 Kesimpulan	28
BAB III : METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	30
3.2 Rekabentuk Kajian	30
3.3 Populasi dan Persampelan	31
3.4 Model Konseptual Kajian	32
3.5 Definasi Operational Pembolehubah	35
3.6 Instrumen Kajian	36
3.7 Kaedah Pengumpulan Data	40
3.8 Penganalisaan Data	40
BAB IV : DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pengenalan	42
4.2 Profil Responden	42

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Analisis Deskriptif 44
4.4 Kesediaan Pelajar Menempuhi Profesion Perguruan 52
4.5 Pengetahuan Kurikulum Perakaunan 52
4.6 Strategi Intsruksional 57
4.7 Minat Terhadap Profesion Perguruan 62

BAB V : KESIMPULAN DAN CADANGAN
5.1 Pengenalan 65
5.2 Ringkasan Kajian 66
5.3 Perbincangan 67
5.4 Cadangan 72
5.5 Rumusan 74

BIBLIOGRAFI
LAMPIRAN
1. Borang soal selidik
2. Pengkodan SPSS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	M/S
Jadual 4.1	Jantina Responden	43
Jadual 4.2	Pendidikan Terakhir Sebelum Memasuki Bidang Pendidikan.	43
Jadual 4.3	Min Pengetahuan Kurikulum Perakaunan	44
Jadual 4.4	Peratusan Mengikut Skala – Pengetahuan Kurikulum	45
Jadual 4.5	Min Strategi Instruksional Pelajar	47
Jadual 4.6	Peratusan Mengikut Skala – Strategi Instruksional	48
Jadual 4.7	Min Minat	50
Jadual 4.8	Peratusan Mengikut Skala - Minat	51
Jadual 4.9(a)	Min Pengetahuan Kurikulum Perakaunan Mengikut Jantina.	53
Jadual 4.9(b)	Ujian T-Perbezaan Pengetahuan Kurikulum Perakaunan Pelajar Lelaki dan Perempuan.	54
Jadual 4.10(a)	Perbezaan Min Pengetahuan Kurikulum dan Minat.	56
Jadual 4.10(b)	Korelasi – Minat dan Pengetahuan Kurikulum	56
Jadual 4.11(a)	Min Strategi Instruksional Pelajar Mengikut Jantina.	58
Jadual 4.11(b)	Ujian T-Perbezaan Strategi Intsruksional Pelajar Lelaki dan Perempuan.	58
Jadual 4.12(a)	Perbezaan Min Minat dan Strategi Instruksional.	60
Jadual 4.12(b)	Korelasi – Minat dan Strategi Instruksional.	60
Jadual 4.13(a)	Min Minat Terhadap Profesion Perguruan Mengikut Jantina.	63
Jadual 4.13(b)	Ujian T-Minat terhadap Profesion Perguruan diantara Pelajar Lelaki dan Perempuan.	63

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	M/S
Rajah 3.1	Model Konseptual Kajian	33

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KESEDIAAN PELAJAR PENDIDIKAN PERAKAUNAN MENEMPUHI PROFESION PERGURUAN.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesediaan pelajar-pelajar pendidikan perakaunan khususnya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menempuhi profesion perguruan. Kajian ini berfokus kepada 3 aspek penting dalam melihat kesediaan seseorang pelajar perguruan menempuhi alam sebenar bidang pendidikan iaitu pengetahuan kurikulum perakaunan, strategi instruksional dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan minat terhadap profesion perguruan. Selain 3 aspek di atas, kajian ini turut melihat perbezaan dari segi gender dari setiap aspek untuk melihat adakah terdapatnya perbezaan diantara pelajar lelaki dan perempuan. Kaedah tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Pengumpulan data dibuat melalui soal selidik menggunakan skala likert lima mata. Seramai 100 orang pelajar perakaunan pendidikan UPSI yang akan menjalani latihan praktikum telah dipilih sebagai responden yang menjawab borang soal selidik. Data daripada soal selidik dianalisis menggunakan program SPSS. Dua jenis analisis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik inferensi menggunakan Ujian T dan Korelasi Pearson bagi menguji hipotesis kajian. Kesediaan para pelajar menempuhi profesion perguruan bagi ketiga-tiga aspek dilihat berada pada tahap lemah. Terdapatnya korelasi yang kuat diantara minat dan pengetahuan kurikulum dan strategi instruksional. Selain itu, terdapatnya perbezaan yang signifikan diantara pelajar lelaki dan perempuan dalam kesediaan menempuhi profesion perguruan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

This research is conducted to survey the preparation of accountancy students in education particularly of UPSI in pursuing teaching profession. The research is focusing on three important aspects as part of over seeing the students' preparation in venturing into the real world of education. Those aspects are the content knowledge of accountancy syllabus, instructional strategies in teaching and learning process and also interest in the teaching profession itself. Beside these three aspects, the study also looks differences in terms of gender in every aspect to check whether there is any difference or not. Observation is used in this study. Data collection is done through questionnaire using five-point likert scale. A group of 100 accountancy students from UPSI who will undergo practicum in the near future are chosen as respondents for the questionnaire. Data from the questionnaire is then analysed using SPSS software. Two types of statistics are used: descriptive and inference. Inference statistics uses T-Test and Pearson Correlation for the hypothesis testing of the study. The preparation of these students in venturing into teaching world under the three mentioned aspects is considered low. There is a strong correlation between interest and content based knowledge of the syllabus plus instructional strategies. Besides that, there is also a significant differences between the male and female students in preparation to become teachers.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Profesion perguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar. Tenaga pengajar dan pengurus pendidikan seharusnya peka dengan perkembangan terkini dalam proses kepimpinan, pengurusan, pengelolaan sumber dan pencapaian menuju matlamat pendidikan (Lim Khong Chiu & Leong Weng Tuck,1990). Justeru itu, dengan perlaksanaan pelbagai reformasi dalam pendidikan sudah pasti menjadikan peranan dan tanggungjawab para guru akan lebih mencabar.

Profesion perguruan juga merupakan badan yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk menghasilkan rakyat masa depan yang berpengetahuan luas sebagai jentera penggerak kepada bangsa dan negara. Tanggungjawab profesion perguruan menjadi semakin berat kerana rakyat masa hadapan yang hendak dihasilkan itu bukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sahaja perlu diterapkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan semata-mata, tetapi juga perlu diseimbangkan dengan nilai sosial yang baik dari segi moral dan etika yang murni.

Terdapat pelbagai tanggapan dan dakwaan berhubung dengan kerjaya guru pada dewasa ini. Sesetengah ahli masyarakat mempunyai tanggapan bahawa kerja, beban dan tugas guru sekarang tidak mewujudkan kerjaya guru yang menarik. Malah tidak dapat dinafikan ada yang melihat sekolah sebagai sebuah organisasi yang dihujani dengan pelbagai bebanan tugas dan ada kalanya tugas ini bukan satu yang terancang tetapi muncul dari situasi yang tidak diduga. Jika keadaan sedemikian dibiarkan berterusan sudah pasti suasana pengajaran dan pembelajaran di sekolah kini akan menuju ke satu arah atau keadaan yang tidak terurus dan akan menghadapi kegagalan untuk mencapai matlamat yang diidamkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan alaf baru telah memberikan kesan terhadap pertumbuhan ekonomi, sains dan teknologi, cara hidup serta tidak kurang juga dalam bidang pendidikan. Corak kehidupan hasil daripada proses modenisasi telah memberi peluang kepada nilai-nilai individualistik, materialistik dan semangat bersaing untuk bertapak di dalam masyarakat. Semua perubahan ini memerlukan perubahan dalam pendidikan. Oleh itu, golongan pendidik memainkan peranan yang penting sebagai agen dalam perubahan terutamanya dalam bidang pendidikan.

Fenomena guru mengambil keputusan bersara awal pula sering dikaitkan dengan perubahan kurikulum yang baru dalam sistem pendidikan di Malaysia. Perubahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurikulum ini dikatakan telah menyebabkan senarai tugas seorang guru semakin panjang dan harapan terhadap mereka semakin tinggi, sedangkan keadaan lain tidak banyak yang berubah. Guru sendiri dan persekitaran proses pembelajaran itu tidak disediakan dengan sempurna bagi menghadapi perubahan yang berlaku. Dengan itu, guru berasa amat kecewa kerana tidak mampu untuk menangani tugas dan harapan yang sudah berubah.

Dahulu, para pendidik mempunyai status yang tinggi dalam hierarki hidup masyarakat tetapi sekarang tidak lagi. Ini kerana pelajar hari ini dimewahkan oleh ibu bapa sendiri. Fenomena yang biasa berlaku sekarang ialah para guru menunggu bas manakala murid menunggu pemandu peribadi mereka untuk pulang apabila selesai sesi persekolahan. Tidak kurang ada yang memandu sendiri untuk kesekolah dan fenomena menggunakan telefon bimbit sudah menjadi kebiasaan bagi pelajar. Kedudukan ekonomi para pelajar yang lebih baik menyebabkan hormat mereka terhadap guru berkurangan. Guru sering dipandang rendah dan akibatnya mereka tidak takut untuk melawan guru.

Cabaran-cabaran yang berlaku ini bukan sahaja memerlukan komitmen terhadap kesedaran dan penghayatan yang tinggi di kalangan pengurus pendidikan khususnya para pendidik amat dititikberatkan. Perubahan-perubahan yang berlaku di dalam dunia pendidikan memberikan tamparan kepada para pendidik serta guru pelatih dalam merealisasikannya di sekolah. Pendidik bertanggungjawab dengan apa yang berlaku di sekolah terutamanya terhadap para pelajar. Pendidik menjadi harapan sekolah dalam memainkan peranannya untuk mendidik para pelajar dan seterusnya memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan secara teratur dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jelas disini bahawa setiap perubahan yang berlaku menuntut para guru terutamanya guru pelatih supaya mempunyai pengetahuan kurikulum yang mencukupi dan relevan dalam subjek yang akan diajarnya. Ini akan dapat membantu mereka berhadapan dengan kepelbagaian pelajar yang semakin pintar dan bijak. Jika pengetahuan kurikulum tidak mencukupi, proses pembelajaran dan pengajaran tidak akan berjalan lancar dan berkesan. Lagipun pengetahuan kurikulum akan membuatkan para guru menjadi lebih berkeyakinan dalam menyampaikan pengajaran.

Selain itu, strategi instruksional merupakan satu aset penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Strategi instruksional akan membolehkan para guru serta guru pelatih menjadi lebih kreatif dan bijak menggunakan keadaan semasa untuk menarik para pelajar mengikuti pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya strategi instruksional ini tiada maka proses pembelajaran dan pengajaran akan menjadi kaku dan tawar. Situasi ini akan menyebabkan pelajar menjadi jemu dan hambar dalam mendalami ilmu pengetahuan.

Namun begitu, menurut Karen Grove (2001) guru pelatih di anggap sebagai komponen kritikan atau penting sebagai persediaan untuk menjadi guru yang berkaliber dengan memantapkan lagi latihan untuk kegunaan masa hadapan. Sebagai guru pelatih yang menyediakan pengajaran untuk masa hadapan, pengetahuan seperti menggunakan teknologi komputer adalah sangat penting. Ini adalah kerana teknologi komputer adalah satu alat atau kelakuan pendidikan untuk memperbaiki kelemahan para pelajar. Ini adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

salah satu peranan guru pelatih dalam mewujudkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Meminati bidang perguruan pula merupakan satu kelebihan besar kepada para guru dan guru pelatih untuk mendidik dan membimbing para pelajarnya. Dengan adanya minat ini, para guru akan bertindak ikhlas terhadap apa jua yang dilaksanakannya. Jika para guru serta guru pelatih terpaksa atau tidak berminat terhadap kerjayanya, maka akan pincanglah proses pendidikan itu sendiri. Kesimpulannya, jatuh bangun organisasi dan warga pendidikan adalah berada di tangan seorang guru. Oleh itu, bersama-samalah kita berpadu tenaga dalam menggerakkan jentera pendidikan ini agar ia teguh dan tega dalam arus perubahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar belakang kajian

Sejarah tidak pernah menipu manusia dan sejarah telah membuktikan betapa golongan pendidik memainkan peranan yang penting dalam menentukan jatuh bangunnya sesebuah bangsa dan negara. Kelahiran guru-guru seperti Harun Aminurrasyid Makmur, Ahmad Bakhtiar, A.Samad Ahmad dan Abdullah Sidek dalam lembaran sejarah lepas yang lantang menentang penjajah di samping meniup obor semangat masyarakat ketika itu merupakan suatu perjuangan yang patut dibanggakan .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) juga tidak ketinggalan dalam memartabatkan profesion perguruan ini dengan melahirkan para graduan yang berkalibar dan boleh dibanggakan. UPSI ditubuhkan pada 1 Mei 1997 dan mula beroperasi pada 2 Mei 1997. Penubuhan UPSI adalah untuk memenuhi keperluan peningkatan pembinaan sumber daya manusia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan dan bersahsiah mulia dalam bidang-bidang sains, teknologi, pengurusan serta bidang-bidang bahasa, kesusasteraan, kesenian dan kebudayaan dengan tekanan khusus kepada unsur pendidikan.

Untuk mengenalpasti produk yang dihasilkan oleh UPSI berkualiti dan bersedia untuk menjadi pendidik yang intelek terutama pelajar perakaunan, kajian ini telah dicadangkan. Dengan itu kita akan dapat mengetahui yang pelajar itu dapat memenuhi kriteria yang dikehendaki berdasarkan matlamat penubuhan UPSI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan masalah

Matlamat kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kesediaan pelajar program pendidikan perakaunan yang akan mengikuti latihan mengajar disekolah menempuhi profesion perguruan. Ini memandangkan pelajar-pelajar ini akan menjalani praktikum sebaik sahaja tamat semester ini. Masalah tentang kesediaan ini sebenarnya sering menjadi perhatian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat yang sentiasa memandang rendah terhadap kebolehan guru yang sedia ada dan juga guru pelatih.

Terdapat pelbagai halangan yang boleh menyekat potensi seseorang guru. Antaranya adalah seperti pengetahuan kurikulum dalam perakaunan, strategi instruksional yang akan diaplikasikan di sekolah dan juga minat terhadap bidang perguruan merupakan sebahagian daripada masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih dalam menempuh profesion perguruan sebenar.

Pengetahuan kurikulum dalam perakaunan yang mencukupi adalah titik permulaaan yang penting bagi seorang guru pelatih memulakan langkahnya ke alam perguruan. Pengetahuan ini perlu ditambahbaikan agar memenuhi keperluan semasa. Jika pengetahuan kurikulum ini tidak mencukupi, guru pelatih akan hilang rasa keyakinan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan.

Strategi instruksional pula ibarat teman setia yang akan membantu proses pengajaran dan pembelajaran supaya lebih teratur dan berkesan. Namun begitu, guru pelatih perlu mempelajari pelbagai bentuk strategi instruksional semasa agar proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan. Seterusnya minat adalah satu aset penting untuk memastikan guru pelatih berjaya mengharungi profesion perguruan. Pada dasarnya minat akan mendorong mereka supaya sentiasa berusaha menjadi guru yang baik dan cemerlang dalam mendidik anak bangsa. Sekiranya tiada minat, guru tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekadar melakukan sesuatu kerana terpaksa maka ini akan menjejaskan kualiti pendidikan itu sendiri.

Oleh itu, masalah tenaga pengajar yang merupakan masalah utama ini wajar diatasi kerana sebilangan besar pelajar universiti terutamanya Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mengambil jurusan pendidikan didapati kurang bersedia untuk menempuhi profesion perguruan kerana mereka kurang bersedia untuk menjadi guru yang berpotensi dan berwibawa untuk mendidik para pelajar. Perkara sebegini juga turut melanda pelajar UPSI khususnya pelajar perakaunan yang sedang dalam pengajian program pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif kajian

i. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap kesediaan pelajar menempuhi profesion perguruan.

ii. Mengukur tahap pengetahuan kurikulum perakaunan pelajar yang akan menempuhi profesion perguruan.

iii. Mengenalpasti sama ada pelajar mempunyai strategi dalam pengendalian kelas (strategi instruksional) bagi proses pengajaran dan pembelajaran untuk menempuhi profesion perguruan.

iv. Mengukur darjah minat pelajar dalam profesion perguruan yang akan ditempuhi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Persoalan kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah dan objektif kajian, terdapat beberapa faktor yang dilihat mempengaruhi kesediaan pelajar menempuhi profesion perguruan. Justeru itu persoalan-persoalan kajian yang berikut dibina. Ianya dibina berdasarkan tiga faktor yang terlibat iaitu pengetahuan kurikulum perakaunan, strategi instruksional dan minat terhadap profesion perguruan.

Pengetahuan kurikulum perakaunan.

i. Adakah pelajar sudah mempunyai pengetahahuan kurikulum dalam perakaunan untuk menempuhi profesion perguruan?

ii. Adakah pelajar lelaki dan perempuan mempunyai tahap pengetahuan kurikulum yang sama?

iii. Adakah minat dan pengetahuan kurikulum mempunyai perkaitan antara satu sama lain?

Strategi instruksional

i. Adakah pelajar mempunyai strategi instruksional dalam proses pengajaran dan pembelajaran?

ii. Adakah pelajar lelaki dan perempuan mempunyai tahap strategi instruksional dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang sama?

iii. Adakah strategi instruksional dan minat mempunyai perkaitan antara satu sama lain?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Minat terhadap profesion perguruan

i. Adakah pelajar memang meminati bidang perguruan ini?

ii. Diantara pelajar lelaki dan perempuan, golongan manakah yang lebih meminati profesion perguruan.

1.6 Hipotesis kajian

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian di atas berikut merupakan hipotesis nol bagi kajian yang dijalankan ini.

Ho1 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengetahuan kurikulum di antara pelajar lelaki dan perempuan.

Ho2 :Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara minat dan pengetahuan kurikulum perakaunan pelajar.

Ho3 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi strategi instruksional di antara pelajar lelaki dan perempuan.

Ho4 :Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara minat dan strategi instruksional pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho5 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi minat pelajar terhadap profesion perguruan di antara pelajar lelaki dan perempuan.

1.7 Kepentingan kajian

Kerjaya perguruan akan menjadi satu profesion yang semakin mencabar memandangkan generasi muda akan membesar dengan pengharapan dan nilai yang berbeza. Guru dan pendidik dipertanggungjawabkan untuk memastikan pelajar memperolehi pengetahuan dan memupuk sikap berdaya saing dalam menghadapi arus perubahan serta memiliki tingkah laku yang baik.

Kajian ini membolehkan ciri-ciri pelajar yang disebutkan di atas dapat dicapai dengan lahirnya graduan dari UPSI dengan mempunyai tahap kesediaan sebagai guru yang tinggi dalam menempuhi profesion perguruan.

Pada masa yang sama, kajian kesediaan pelajar program pendidikan perakaunan ini boleh membuka mata dan minda pihak yang terlibat dengan profesion perguruan. Ia juga boleh membantu para penyelidik yang lain untuk menjalankan kajian yang sama atau lain-lain kajian yang berkaitan dengan profesion perguruan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini berbentuk tinjauan dan hanya melihat satu-satu permasalahan itu sebagai gambaran umum yang dapat menjawab persoalan-persoalan tertentu sahaja berdasarkan kajian lampau yang diperolehi.

Kajian ini terbatas kepada beberapa perkara seperti berikut:

i. Bilangan sampel yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan ini.

ii. Tempoh masa yang digunakan untuk memenuhi keperluan kajian iaitu selama empat bulan.

iii. Hanya untuk menjawab soalan-soalan kajian yang dikemukakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaubagaimanapun ia dapat memberikan sedikit maklumat dan panduan khususnya kepada penyelidik dalam mengkaji aspek-aspek tertentu secara terperinci berdasarkan pembolehubah-pembolehubah tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Golongan guru merupakan anggota sekolah yang terlibat secara langsung dalam perlaksanaan kurikulum dan program pendidikan di sekolah. Peranan yang dimainkan oleh seseorang guru dalam sesebuah sekolah amat penting terutamanya dari segi pencapaian aspirasi dan matlamat sekolah. Menurut Mok Sook Sang (1988), antara peranan guru yang penting ialah:

- Sebagai tenaga pengajar dengan merancang aktiviti pelajar berdasarkan sukatan pelajaran dan melaksanakannya dalam bilik darjah mengikut strategi pengajaran yang sesuai.
- Sebagai pengarah pembelajaran dengan membimbing pelajar supaya mereka berusaha belajar secara individu atau berkumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Sebagai pengurus bilik darjah seperti menyusun rutin bilik darjah, menentu corak penyusunan meja dan sebagainya.
- Sebagai ibu bapa kepada pelajar, demi menjaga keselamatan dan kebajikan pelajar. Peranan ini akan membantu pelajar menyesuaikan diri dalam sekolah sebagai sebahagian keluarga mereka.
- Sebagai pendisiplin yang bertanggungjawab menjaga disiplin pelajar serta membantu mereka membentuk sahsiah dan kelakuan yang sejajar dengan nilai dan norma masyarakat.
- Sebagai contoh model hidup di mana tingkah laku guru menjadi contoh teladan kepada pelajar. Nilai-nilai murni yang ditonjolkan oleh guru di sekolah dapat diterapkan dalam jiwa pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru ialah pendidik yang berilmu pengetahuan. Di samping itu guru dilatih untuk menguasai kemahiran mengajar dan diberi tugas menyampaikan ilmu kepada pelajarnya. Oleh itu guru sebagai pengamal ilmu perlu memainkan peranan untuk menyampaikan ilmu yang berguna dalam bidangnya. J.M Coopes (1988) berpendapat guru yang berkesan ialah guru yang memperolehi ilmu pengetahuan khususnya kemahiran mengajar seperti:

- Menguasai ilmu pengetahuan dalam teori pembelajaran dan psikologi manusia.
- Menunjukkan sikap jujur yang dapat menggalakkan pembelajaran serta mewujudkan interaksi yang positif dalam pelbagai hala.
- Memperolehi ilmu pengetahuan yang lengkap dalam mata pelajaran yang diajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Menggunakan kaedah dan teknik mengajar yang mewujudkan murid menjalankan aktiviti pembelajaran mereka.

Sebagai seorang pendidik yang bertanggungjawab, guru hari ini harus menyedari tugas dan amanah yang diserahkan kepadanya untuk mendidik generasi yang akan menjadi dewasa kelak. Perubahan perancangan hari ini adalah perlu diiringi dengan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, guru hari ini hendaklah sentiasa berusaha melengkapkan diri dari masa ke semasa. Hamdan Sheikh Tahir (1979) menyatakan, '..... mutu pendidikan guru adalah faktor terpenting untuk memajukan pendidikan. Dalam negara seperti Malaysia ini proses pendidikan memerlukan guru mempunyai kebolehan yang melebihi dari cara mengajar mata pelajaran di dalam kelas.'

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Minat

Persediaan untuk menghadapi profesion perguruan yang semakin mencabar ini haruslah diterapkan kepada guru-guru pelatih yang sedang mengikuti program perguruan. Ini bagi memastikan mereka benar-benar bersedia untuk menghadapi profesion ini. Kesediaan boleh dilihat dalam banyak perkara. Crow dan Crow (1980) berpendapat bahawa minat bolehlah dianggap sebagai daya penggerak yang mendorongkan kita memberi perhatian kepada seseorang, sesuatu benda atau perkara serta kegiatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, John P. De Cocco (1968) berpendapat minat merupakan faktor yang menguatkan atau mengurangkan daya tindakan seseorang. Menurut teori Ginzberg (1951), beliau telah mengutarakan beberapa pertimbangan tentang pemilihan pekerjaan oleh seseorang. Antara pertimbangannya adalah berkaitan dengan minat, dimana beliau mengatakan seseorang perlu menilai dirinya sendiri dari beberapa sudut seperti kebolehan, minat dan nilai peribadi berhubung dengan pekerjaan yang akan dipohon. Jika kelayakan akademiknya sesuai , individu berkenaan akan bertanya pula pada dirinya samaada dia betul-betul berminat dengan pekerjaan tersebut.

Melalui kajian-kajian lepas yang dijalankan jelas menunjukkan ramai individu yang terlibat dalam profesion perguruan tidak minat dengan profesion ini. Menurut Wong dan Ray E (1994) dalam kajiannnya untuk melihat minat terhadap profesion perguruan sebagai satu kareer pilihan mendapati respondennya yang terdiri daripada pelajar tidak berminat dengan profesion perguruan. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Peterson (1992) yang mendapati cuma 9% sahaja dari responden yang berminat untuk menceburi profesion perguruan. Sementara itu, Mack, Faite, Smith,Vernon dan Norasing (2003) mendapati hanya 7% sahaja daripada pelajar yang dipilih sebagai responden menyatakan profesion perguruan adalah pilihan pertama kerjaya mereka.

Oleh itu dapatlah dikatakan disini untuk menghadapi profesion perguruan, seseorang itu perlulah bersedia dari segi minat. Ini kerana minat merupakan faktor dalaman yang kuat kepada individu terhadap keinginan seseorang, kepada sesuatu benda, perkara dan kegiatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Strategi Instruksional

Proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dimana-mana sahaja, secara formal dan tidak formal. Bagaimanapun, proses ini tidak akan lengkap jika jentera pengendalinya, iaitu guru tidak menjalankan tugas mengajar secara bersungguh-sungguh. Menurut Shulman (1987), mengatakan strategi instruksional merupakan aspek pedagogi yang terpenting: organisasi dan pengurusan bilik darjah, persembahan penerangan dan huraian yang jelas, memberi dan menyemak tugasan, berinteraksi dengan pelajar secara berkesan dengan soalan, proba, jawapan dan tindak balas serta pujian dan kritikan. Guru merupakan penggerak dan pendorong kepada semua proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di kalangan pelajar-pelajar sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Justeru menurut Noriah dan Norsakinah (2003), guru harus menggunakan segala kemahiran mengajar yang ada untuk menarik minat pelajar, bukan sahaja untuk meneruskan proses pembelajaran, malah untuk membantu mereka melangkah batasan keupayaan agar dapat terus maju dalam bidang akademik. Oleh itu sebagai bakal guru, pelajar haruslah mempunyai strategi instruksional dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jika guru dilihat bersedia dalam strategi instruksional mereka, pelajarnya akan dapat menggambarkan kesungguhan guru dalam membantu pelajar meneroka pengetahuan-pengetahuan baru dan ini seterusnya dapat meningkatkan komitmen guru tersebut terhadap profesion perguruan yang diceburi (Noriah dan Norsakinah, 2003).

Grasha (1996) mencadangkan bahawa guru-guru yang berkeyakinan mengajar iaitu yang mempunyai strategi instruksional dalam proses pengajaran dan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan lebih berminat menjalankan tugas mereka dan mewujudkan hubungan yang mesra dengan pelajar-pelajar. Mereka akan dapat menjalankan proses pengajaran dengan lebih berkesan kerana dapat diterima oleh pelajar dengan baik.

Pengajaran yang berkesan memerlukan guru menyampaikan pengetahuan tersebut dalam bentuk yang boleh difahami oleh murid. Dalam erti kata lain, guru seharusnya menguasai strategi instruksional dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Mc Diarmid, Ball and Anderson, 1989). Dalam kajian Smith dan Neale (1989), didapati bahawa bukan semua guru dapat menjelmakan pengetahuan kurikulum mata pelajaran kepada strategi instruksional pengajaran dan pembelajaran semasa mengajar. Kajian ini juga menunjukkan bahawa seseorang guru yang berkesan dijangka dapat menjelmakan pengetahuan kurikulum mata pelajaran kepada pengetahuan pedagogi agar beliau dapat membuat keputusan kurikulum dalam proses pengajaran-pembelajaran. Berdasarkan dapatan kajian Howard 1987, Greeno 1987 dan Leinhardt 1983, seseorang guru seharusnya mempunyai struktur pengetahuan kurikulum yang berkembang dengan baik untuk membenarkan beliau mengajar dengan fleksibiliti dan maksimum dan usaha yang minimum.

Menurut laporan Gee, Carrie.J (1996) yang bertajuk 'Preservice Elementary Teachers: Their Sciene Content Knowledge, Pedagogical Knowledge and Pedagogical Content Knowledge', mendapati guru pelatih mempunyai interpretasi sendiri terhadap sifat 'interdisciplinary' dalam mata pelajaran yang diajar. Mereka mengetahui pendekatan inkuiri tanpa selalu mengamalkannya. Guru pelatih yang dikaji juga mengaku bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka tidak tahu dan tidak memahami keseluruhan konten yang mereka akan ajar di sekolah kelak. Kajian juga mendapati bahawa hanya segelintir guru yang sering mengamalkan strategi instruksional dalam proses pengajaran-pembelajaran yang inovatif. Salah satu rumusan penting berkenaan dengan pengetahuan pedagogi yang diperolehi melalui kajian ini ialah penilaian kertas dan pensel tidak mencukupi untuk menjangka situasi pengajaran-pembelajaran yang berlaku di bilik darjah. Kajian tersebut bertujuan untuk meninjau tahap pengetahuan kurikulum dan pengetahuan pedagogi di kalangan guru pelatih di Indiana University dan seterusnya menilai keberkesanan program latihan perguruan yang baru diperkenalkan di universiti tersebut.

Lee Shulman (1987) telah menyenaraikan tujuh kategori pengetahuan yang dianggapnya sebagai syarat yang minimum untuk mengajar. Di antara kategori-kategori tersebut, dua kategori yang dianggap paling penting iaitu pengetahuan kurikulum mata pelajaran dan pengetahuan strategi intsruksional. Pengetahuan kurikulum mata pelajaran merujuk kepada pengetahuan guru tentang konsep dan kaedah untuk disiplin/bidang tertentu manakala strategi instruksional merupakan 'campuran' di antara pengetahuan kurikulum dan pedagogi untuk membentuk satu pemahaman tentang bagaimana sesuatu topik, masalah atau isu tertentu disusun, diwakili dan diadaptasikan dengan pelbagai minat dan kebolehan di kalangan murid dan dipersembahkan dalam bentuk pengajaran (Shulman, 1987:8).

Pengetahuan strategi intsruksional dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan pengetahuan kurikulum mata pelajaran pada guru adalah amat penting dalam memastikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran yang berkesan di kalangan guru dan pemahaman yang baik dikalangan murid (Buchman, 1982, 1983. Tobin & Garnett, 1988). Menurut Shulman (1986), pengetahuan strategi instruksional adalah:

> "...embodies the aspects of content most germane to its teachability. Within the category of pedagogical content knowledge I include, for the most regularly taught topics in one's subject area, the most useful forms of representation of those ideas, the most powerful analogies, illustrations, examples, explanation and demonstrations – in a word, the ways of representing and formulating the subject that make it comprehensible to others..... It also includes an understanding of what makes the learning of specific concepts easy or difficult: the conceptions and preconceptions that students of different ages and background bring with them to the learning.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapatnya kajian-kajian yang telah menunjukkan bahawa guru yang baru mengajar mempunyai tahap strategi instruksional yang kurang lengkap dan cetek. (Carpenter, Fennema, Petersen & Carey, 1988; Feiman-Nemser & Parker, 1990; Gudmundsdottir & Shulman, 1987; Shulman, 1987). Seorang guru permulaan didapati lebih cenderung bergantung kepada pengetahuan kurikulum mata pelajaran tanpa pengubahsuaian iaitu kebanyakkannya diekstrak secara langsung daripada kurikulum dan mungkin tidak mempunyai satu rangka kerja atau perspektif untuk mempersembahkan maklumat yang berkaitan (may not have a coherent framework or perspective from which to present the information). Guru-guru permulaan juga didapati lebih cenderung untuk membuat keputusan pedagogi tanpa menilai pengetahuan sedia ada, tahap keupayaan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

strategi pengajaran pembelajaran murid-muridnya (Carpenter, et al, 1988). Selain daripada itu, menurut Northfield & Gunstone (1983), guru-guru yang baru berkhidmat terpaksa berdepan dengan masalah kecetekkan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan kurang yakin tentang sesuatu topik dalam mata pelajaran yang diajar.

Tambahan daripada di atas, guru-guru pra perkhidmatan didapati sukar untuk memahami (articulate) perhubungan di antara idea-idea strategi intsruksional dengan konsep dalam sesuatu mata pelajaran (Gess-Newsorne & Lederman, 1993). Tahap strategi instruksional yang rendah di kalangan guru pra-perkhidmatan didapati berhubungkait dengan kerapnya penggunaan soalan ingatan kembali yang mudah dan berbentuk fakta (Carlsen, 1987). Kajian-kajian tersebut juga menunjukkan bahawa guru-guru permulaan menghadapi masalah tentang strategi intsruksional dalam proses pengajaran dan pembelajaran, mereka menghadapi masalah dari segi menjelma dan mewakilkan konsep dan idea yang hendak disampaikan agar membawa makna kepada murid-murid tertentu yang diajar (Wilson, Shulman & Richert, 1987).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Pengetahuan Kurikulum

Selain daripada minat yang mendalam dalam profesion perguruan dan strategi instruksional yang bagus, seorang guru perlulah memiliki pengetahuan tentang apa yang hendak diajar kepada muridnya. Untuk itu seseorang pelajar dikatakan bersedia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menempuhi profesion perguruan apabila pelajar tersebut mempunyai pengetahuan kurikulum yang tinggi tentang apa yang ingin disampaikan kepada pelajarnya. Menurut Tengku Zawawi (1998), guru-guru yang cemerlang sentiasa mempunyai komitmen dan minat yang tinggi terhadap subjek yang mereka ajar kepada pelajarnya. Guru tersebut perlulah mempunyai satu kefahaman am bagaimana isi kandungan disusun dan boleh disepadukan serta berhubung dengan kandungan bidang-bidang lain yang berkaitan.

Selain menguasai dan memahami sesuatu isi pelajaran, mereka juga mempunyai kefahaman dan mengetahui bagaimana hendak menyampaikan isi pelajaran tersebut kepada pelajar. Menurut Shulman (1987), mengatakan untuk mengajar, kita perlu memahami isi kandungan dan pelajar. Guru-guru dikehendaki menguasai dan memahami apa yang perlu diajar. Seboleh-bolehnya pemahaman tersebut melibatkan pelbagai cara. Guru juga perlu memahami bagaimana aras perkembangan pelajar mempengaruhi kebolehannya untuk belajar. Ini bermakna, mengetahui dan mahir dalam perakaunan belum lagi mencukupi. Seseorang guru itu mesti tahu bagaimana hendak menyampaikan pengetahuan perakaunan tersebut dengan cara yang paling sesuai kepada pelajar agar ia mudah difahami. Selain itu guru yang bersedia berupaya memaksimumkan dan mengoptimumkan penggunaan bahan dan sumber pengajaran pembelajaran, di samping memiliki pelbagai koleksi bahan-bahan tersebut seperti, buku rujukan, panduan guru, perisian komputer, audio video dan sebagainya (Wiseman, Conner & Knight 1999; Tengku Zawawi 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kepada pendapat dan dapatan daripada beberapa tokoh penyelidik dalam bidang pendidikan (contohnya; Wiseman, et. al. 1999; Cochran 1997; Borko & Putnam 1996; Calderhead 1990; Shulman 1987; Nik Azis 1999), terdapat sekurang-kurangnya tiga jenis pengetahuan utama atau pengetahuan profesional (*professional knowedge*) yang perlu dimiliki oleh setiap warga pendidik iaitu, (a) pengetahuan mata pelajaran, (b) pengetahuan pedagogi dan (c) pengetahuan tentang pelajar. Pengetahuan mata pelajaran (*content knowledge*) adalah satu kefahaman yang mendalam tentang isi kandungan yang akan diajar (Tengku Zawawi 1998).

Menurut hasil dapatan kajian Bennet dan rakan-rakan (1993), didapati bahawa guru-guru sekolah rendah yang bukan pengkhususan dalam sesuatu bidang mata pelajaran tidak mampu mengesan atau mengdiagnos pemahaman di kalangan murid dengan tepat jika guru tersebut tidak mempunyai pengetahuan kurikulum yang secukupnya dalam bidang mata pelajaran tersebut. Menurut pendapat McDiarmid & rakan-rakannya (1989) dan Grossman & rakan-rakannya (1989), pengusaan pengetahuan dan pemahaman kurikulum sesuatu mata pelajaran bukan sahaja penting dalam menentukan keupayaan guru 'memindahkan' (transmit) pengetahuan kepada murid-muridnya, malah kajian semasa juga menunjukkan bahawa pengetahuan kurikulum mata pelajaran guru akan mempengaruhi cara guru merancang dan mengajar mata pelajaran tersebut. Dengan erti kata lain, tindak tanduk dan sikap guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah adalah dipengaruhi oleh proses pemikiran guru termasuklah pengetahuan kurikulum mata pelajarannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam projek penyelidikan 'The Growth of Teacher Knowledge' yang dipelopori oleh Shulman, Sykes dan Philips (1983) dengan tujuan untuk meninjau pengaruh pengetahuan kurikulum mata pelajaran terhadap keberkesanan pengajaran, data-data diperolehi melalui temu bual, penyeliaan di bilik darjah dan latihan pengajaran simulasi dengan 21 orang guru permulaan. Analisis data-data tersebut pada peringkat permulaan menunjukkan bahawa pengusaan pengetahuan kurikulum mata pelajaran guru akan mempengaruhi kesediaannya mengajar di dalam bilik darjah. Mengikut komen Shulman (1986):

> "Where the teacher cognition program has clearly fallen short is the education of teacher cognitive understanding of the subject-matter content and the relationships between such understanding and the instruction teachers provide for students". (p.25)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hashweh (1985) merumuskan bahawa guru yang kurang berpengetahuan tidak mampu mengesan dan memperbetulkan konsepsi sedia ada murid-murid, mereka juga didapati tidak mampu menggunakan peluang untuk membincangkan konsep-konsep lain yang berkaitan, tidak mampu menginterpretasi pendapat murid dengan tepat dan tidak mampu menangani masalah-masalah di bilik darjah. Sementara itu, Buchmann (1984) menegaskan tentang pentingnya guru-guru mengekalkan penguasaan dan pemahaman yang fleksibel dalam pengetahuan kurikulum mata pelajaran iaitu dapat melihat satu set konsep yang tertentu dari pelbagai sudut pandangan dan tahap bergantung kepada keperluan dan keupayaan murid-muridnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan tentang pengetahuan kurikulum guru menunjukkan bahawa pengetahuan kurikulum mata pelajaran akan mempengaruhi kesediaan pengajaran di bilik darjah (Brophy, 1991). Tanpa asas pengetahuan yang mencukupi dalam sesuatu bidang mata pelajaran, guru tidak dapat mengajar dengan berkesan (Grossman, Wilson & Shulman, 1989). Pengetahuan kurikulum mata pelajaran sesungguhnya merupakan syarat yang pertama tetapi tidak mencukupi untuk pengajaran yang berkesan (Garnett & Tobin, 1988:12).

2.5 Jantina Dalam Profesion Perguruan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12(a)

Perbezaan Min Minat dan Strategi Instruksional

	Min	Std. Deviation	N
Minat	2.5900	.56524	100
Strategi instruksional	2.8330	.55561	100

Jadual 4.12(b)

Korelasi – Minat dan Strategi Instruksional

Korelasi		Minat	Strategi instruksional
Minat	Pearson Correlation	1	.733(**)
	Sig. (2-tailed)	.	.000
	N	100	100
Strategi Instruksional	Pearson Correlation	.733(**)	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.
	N	100	100

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari paparan hasil dalam jadual 4.12, jelas kelihatan pekali korelasi bagi pasangan pembolehubah minat dan strategi instruksional adalah tinggi iaitu 0.733. Ianya juga membuktikan bahawa pembolehubah minat dan strategi instruksional mempunyai perhubungan yang amat kuat memandangkan pekali korelasi menghampiri nilai 1 (nilai maksimum bagi sesuatu pekali korelasi).

Nilai pekali korelasi yang positif memberitahu pengguna bahawa perkaitan atau perhubungan yang wujud di antara kedua-dua pembolehubah iaitu minat dan strategi instruksional merupakan satu hubungan yang positif. Ini menunjukkan jika pelajar mempunyai minat yang tinggi, maka tahap strategi instruksional yang dimiliki oleh pelajar juga tinggi dan begitulah sebaliknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada jadual 4.12(b) juga jelas menunjukkan terdapatnya satu perkaitan yang signifikan di antara pembolehubah minat dan strategi instruksional dimana nilai signifikannya ialah 0.000 iaitu lebih kecil dari aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.01. Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa minat dan strategi instruksional saling berkaitan antara satu sama lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Minat terhadap profesion perguruan

Selain daripada pengetahuan kurikulum perakaunan dan strategi instruksional, minat merupakan satu faktor yang dirasakan amat mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menempuhi profesion perguruan. Jika seseorang melakukan sesuatu tanpa minat, mereka dilihat seolah-olah melakukan kerja tanpa arah dan pada kebiasaannya kerja yang dilakukan pastinya dalam keadaan tidak bersedia. Dari analisis deskriptif yang dilakukan di atas jelas menunjukkan bahawa pelajar tidak berminat dengan profesion perguruan. Ini boleh dilihat dari min yang diperolehi iaitu 2.59. Oleh itu pengkaji cuba melihat faktor ini dengan lebih terperinci dengan melihat kesediaan pelajar dari segi minat antara lelaki dan perempuan. Oleh itu, hipotesis berikut dikemukakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho5 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi minat terhadap profesion perguruan diantara pelajar lelaki dan perempuan.

Sekali lagi prosedur 'independent-samples T-Test digunakan untuk menguji hipotesis. Ini adalah menguji kewujudan perbezaan antara min satu pembolehubah bagi dua kumpulan sampel yang saling tidak berkaitan iaitu kumpulan lelaki dan perempuan. Ianya bagi melihat adakah terdapatnya perbezaan antara min bagi lelaki dan perempuan untuk minat dalam profesion perguruan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.13(a)
Min Minat Pelajar bagi Profesion Perguruan Mengikut Jantina.

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Minat	Lelaki	25	1.8720	.39950	.07990
	Perempuan	75	2.8293	.37875	.04373

Jadual 4.13(b)
Ujian T – Minat terhadap profesion perguruan antara pelajar lelaki dan perempuan.

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
									Lower	Upper
Minat	Equal variances assumed	.750	.389	-10.797	98	.000	-.9573	.08867	-1.13329	-.78138
	Equal variances not assumed			-10.510	39.389	.000	-.9573	.09109	-1.14151	-.77315

Daripada hasil yang diperolehi dalam jadual 4.13 dapat ditafsirkan, jika min bagi minat bagi lelaki dan perempuan, kebarangkalian pengkaji memperolehi perbezaan sekurang-kurangnya sebesar perbezaan yang ditunjukkan dalam sampel adalah dianggarkan sebesar 0.000. Memandangkan kebarangkalian berlakunya fenomena ini adalah kecil (kurang dari 0.05 atau 5%), maka pengkaji tidak menerima Ho5 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan min bagi minat terhadap profesion perguruan antara pelajar lelaki dan perempuan. Oleh itu bolehlah dikatakan disini terdapatnya perbezaan dalam minat terhadap profesion perguruan antara pelajar lelaki dan perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbezaan yang berlaku dapat dilihat dalam jadual 4.13(a) diatas yang menunjukkan perbezaan min minat terhadap profesion perguruan bagi pelajar lelaki dan perempuan. Min bagi pelajar lelaki adalah 1.87 sementara pelajar perempuan dilihat mempunyai min yang lebih tinggi berbanding lelaki iaitu 2.82. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih bersedia daripada pelajar lelaki menempuhi profesion perguruan dalam konteks minat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Berdasarkan metodologi dan analisis data yang telah dibincangkan dalam Bab 3 dan Bab 4, kesimpulan dan cadangan terhadap penemuan yang diperolehi akan dapat membantu penyelidik membuat rumusan tertentu berhubung kait dengan tajuk yang dibina berserta model-model kajian yang digunakan. Bab ini akan membincangkan secara lanjut dapatan yang diperolehi daripada analisis yang dilakukan dalam Bab 4. Ianya akan cuba menghubungkaitkan fenomena semasa yang berlaku dalam ruang lingkup kajian dan batasan-batasan yang tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Ringkasan Kajian

Analisis data yang dilakukan dalam Bab 4 telah memberikan pendedahan kepada penyelidik berkaitan tahap kesediaan pelajar perakaunan menempuhi profesion perguruan. Dimana tahap kesediaan ini dilihat berdasarkan beberapa faktor iaitu, pengetahuan kurikulum perakaunan, strategi instruksional dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan minat terhadap profesion perguruan. Selain itu hubung kait antara faktor-faktor tersebut dengan faktor minat cuba dikaji oleh penyelidik memandangkan minat merupakan faktor yang paling penting dalam melakukan sesuatu perkara. Ini adalah bersesuaian dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh John P.De Cocco (1968) yang berpendapat bahawa minat merupakan faktor yang menguatkan atau mengurangkan daya tindakan seseorang. Penyelidik juga cuba mengkaitkan setiap faktor atau pembolehubah dengan faktor demografi iaitu jantina.

Lima hipotesis kajian yang dibina berdasarkan faktor-faktor diatas yang dibincangkan telah memberikan pengetahuan dan gambaran yang jelas tentang isu-isu serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Secara ringkasnya bolehlah dikatakan, penyelidik telah mendapati kelima-lima persoalan kajian yang diutarakan telah terjawab dan akan dirumuskan dalam perbincangan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan

5.3.1 Pengetahuan Kurikulum Perakaunan

Pengetahuan kurikulum dilihat sebagai salah satu faktor yang terpenting untuk melihat kesediaan pelajar menempuhi profesion perguruan. Oleh itu bagi pelajar perakaunan, pengetahuan kurikulum perakaunan yang mendalam boleh dilihat untuk menentukan seseorang pelajar itu bersedia atau tidak untuk menempuhi profesion perguruan. Ini bersesuaian dengan Tengku Zawawi (2003) yang mengutarakan terdapat sekurang-kurangnya tiga jenis pengetahuan utama atau pengetahuan professional (professional knowledge) yang perlu dimiliku oleh setiap warga pendidik iaitu, (a) pengetahuan mata pelajaran, (b) pengetahuan pedagogi dan (c) pengetahuan tentang pelajar. Pengetahuan mata pelajaran (content knowledge) adalah satu kefahaman yang mendalam tentang isi kandungan yang diajar.

Melalui tinjauan yang dilakukan, menunjukkan pengetahuan kurikulum perakaunan responden adalah rendah berdasarkan min yang diperolehi iaitu 2.8 dari soal selidik yang dijalankan berkaitan pengetahuan kurikulum yang dimiliki. Ini jelas menunjukkan pelajar masih belum bersedia dari faktor pengetahuan kurikulum untuk menempuhi profesion perguruan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis juga dilakukan terhadap hubungan antara pengetahuan kurikulum dan jantina. Ini bagi melihat samaada jantina mempunyai perkaitan dengan pengetahuan kurikulum pelajar. Daripada tinjauan yang dilakukan, jelas menunjukkan terdapatnya perbezaan dari segi min bagi pelajar lelaki dan perempuan berkaitan pengetahuan kurikulum yang dimiliki oleh responden. Pelajar perempuan dilihat mempunyai pengetahuan kurikulum yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Dimana dapatan menunjukkan pelajar perempuan mempunyai min sebanyak 3.12 manakala pelajar lelaki 2.19. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar perempuan dilihat lebih bersedia dari segi pengetahuan kurikulum berbanding pelajar lelaki untuk menempuhi profesion perguruan. Dapatan ini bersesuaian dengan Mohd Sahandri (1998) yang menyatakan bahawa guru wanita lebih berkecenderungan untuk kekal lama dalam profesion perguruan berbanding guru lelaki. Kenyataan ini mungkin boleh disokong oleh kajian ini yang menunjukkan pelajar lelaki tidak bersedia menempuhi profesion perguruan berbanding pelajar perempuan.

Hasil analisis yang dilakukan dalam Bab 4 juga jelas menunjukkan terdapatnya perkaitan yang kuat diantara pengetahuan kurikulum dengan minat terhadap profesion perguruan. Ini memberitahu bahawa dengan minat yang ada pelajar boleh menguasai pengetahuan kurikulum dengan baik dan begitu juga sebaliknya. Ini menyokong pendapat Conner & Knight (1999) yang menyatakan guru-guru yang cemerlang sentiasa mempunyai komitmen dan minat yang tinggi terhadap subjek yang mereka ajar kepada pelajarnya. Guru-guru ini dikatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai satu kefahaman am bagaimana isi kandungan disusun dan boleh disepadukan serta berhubung dengan kandungan bidang-bidang lain yang berkaitan. Apa yang boleh penyelidik katakan disini minat memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya bagi mendorong pelajar menguasai pengetahuan kurikulum yang diperlukan.

5.3.2 Strategi Instruksional

Strategi instruksional juga dilihat sebagai salah satu faktor yang boleh menentukan kesediaan pelajar menghadapi profesion perguruan. Ianya merujuk kepada cara penyampaian isi kandungan pelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Strategi instruksional bermaksud keupayaan guru untuk menterjemahkan isi kandungan subjek dengan mengubahsuaikannya berdasarkan pengetahuan sedia ada pelajar, minat dan kebolehan pelajar dengan tujuan isi kandungan itu mudah dikuasai semua pelajar. Shulman (1987) menyatakan bahawa strategi instruksional adalah pengetahuan yang unik kepada profesion perguruan sahaja. Oleh itu adalah bersesuaian jika kita melihat kesediaan dari segi strategi instruksional untuk melihat tahap kesediaan pelajar untuk menempuhi profesion perguruan.

Mengikut dapatan yang diperolehi dari Bab 4, menunjukkan bahawa strategi instruksional yang dimiliki oleh pelajar adalah rendah. Ini adalah berdasarkan min keseluruhan yang diperolehi daripada soal selidik yang dijalankan. Min yang dihasilkan adalah hanya sebanyak 2.83 dan ini jelas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan bahawa pelajar masih belum bersedia menempuhi profesion perguruan dari faktor strategi instruksional.

Sekali lagi pebezaan cuba dilihat oleh pengkaji diantara pelajar lelaki dan perempuan tetapi kali ini perbezaan dari segi strategi intsruksional pula cuba dilihat. Menerusi analisis yang dijalankan, dapatan jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan diantara strategi instruksional yang dimiliki oleh pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar perempuan dilihat memiliki strategi instruksional yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan berdasarkan min yang diperolehi iaitu 3.10 bagi perempuan dan 2.03 bagi lelaki. Ini jelas menunjukkan walaupun secara keseluruhannya pelajar dilihat tidak bersedia dari segi strategi intsruksional, pelajar perempuan dilihat lebih bersedia berbanding pelajar lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tinjauan yang dilakukan telah menunjukkan bahawa terdapatnya perkaitan antara minat dan strategi instruksional. Ini jelas menerangkan minat memainkan peranan yang penting bagi menghasilkan strategi instruksional yang baik. Ini selari dengan pernyataan Crow dan Crow (1980) yang berpendapat bahawa minat bolehlah dianggap sebagai daya penggerak yang mendorong seseorang memberikan perhatian kepada sesuatu benda atau perkara serta kegiatan. Kajian yang dijalankan juga menerangkan minat dan strategi instruksional mempunyai hubungan yang positif, dimana jika minat terhadap profesion perguruan adalah tinggi, maka strategi instruksional yang dimiliki oleh pelajar juga adalah baik dan sebaliknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Minat

Selain daripada pengetahuan kurikulum dan strategi instruksional, minat merupakan satu faktor yang dirasakan amat mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menempuhi profesion perguruan. Jika dalam rumusan diatas ada disebut perkaitan antara minat dan faktor-faktor lainnya iaitu pengetahuan kurikulum dan strategi instruksional, pengkaji juga melihat kesediaan dari minat responden sendiri terhadap profesion perguruan dan melihat perbezaan yang wujud diantara pelajar lelaki dan perempuan.

Dari tinjauan yang dijalankan dapat dirumuskan bahawa pelajar sama sekali kurang berminat dalam profesion perguruan. Perguruan dilihat sebagai salah satu bidang yang boleh menjamin kerja dimasa hadapan dan bukannya faktor minat yang diutamakan. Ini jelas ditunjukkan melalui dapatan tinjauan iaitu min yang diperolehi bagi minat hanya 2.59 sahaja. Ini menunjukkan pelajar menceburi bidang perguruan disebabkan oleh faktor-faktor lain dan bukannya atas faktor minat. Jelas disini pengkaji boleh menyatakan bahawa pelajar tidak bersedia menempuhi profesion perguruan dari segi minat.

Analisis yang dibuat juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan diantara pelajar lelaki dan perempuan dari segi minat terhadap profesion perguruan. Pelajar perempuan dilihat lebih meminati profesion perguruan berbanding lelaki. Ini ditunjukkan berdasarkan min yang diperolehi melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tinjauan yang dilakukan. Min bagi pelajar lelaki adalah lebih rendah berbanding pelajar perempuan iaitu 1.87 berbanding 2.83. Pengkaji boleh menyatakan bahawa dari segi minat pelajar perempuan dikatakan lebih bersedia berbanding lelaki untuk menempuhi profesion perguruan. Ini menyokong dapatan dalam kajian Shertzer dan Stone (1971) yang mendapati bahawa lelaki lebih berminat kepada aktiviti-aktiviti fizikal, mekanikal, perkara saintifik, perniagaan dan political. Sementara kaum wanita pula lebih meminati bidang sastera, muzik dan bidang 'personal-sosial' seperti guru.

5.4 Cadangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi penyelidik ingin mencadangkan beberapa perkara yang boleh dipertimbangkan dalam menyelesaikan masalah kesediaan pelajar pendidikan menempuhi profesion perguruan.

i. Dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar terhadap kurikulum yang mereka pelajari adalah rendah. Untuk itu, kajian lanjut yang terperinci hendaklah dilakukan untuk melihat apakah faktor-faktor yang menyebabkan fenomena ini berlaku. Ianya penting bagi memastikan bakal guru yang akan mendidik anak bangsa mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam bidangnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Melalui kajian ini juga didapati strategi instruksional pelajar adalah rendah. Oleh itu adalah dirasakan perlu bagi pihak universiti untuk melihat semula program yang dijalankan. Ini bagi memastikan pelajar bukan sahaja didedahkan kepada pengetahuan kurikulum semata-mata tetapi kaedah pengajaran juga perlu diterapkan.

iii. Seterusnya melalui dapatan kajian, jelas menunjukkan pelajar kurang berminat dengan profesion perguruan. Disini kerajaan melalui Kementerian Pendidikan perlu mengambil tindakan tertentu bagi memastikan pelajar yang terpilih memasuki bidang pendidikan ini haruslah terdiri daripada mereka yang betul-betul berminat dengan profesion perguruan. Ujian personaliti mungkin boleh dilakukan sebelum mereka diterima masuk dalam program pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Perbezaan yang ketara boleh dilihat diantara lelaki dan perempuan dalam ketiga-tiga faktor yang dikaji iaitu pengetahuan kurikulum. strategi instruksional dan minat terhadap profesion perguruan. Disini pelajar lelaki dilihat tidak bersedia berbanding pelajar perempuan. Kajian lanjut berkaitan gender ini amat perlu dilakukan memandangkan negara kekurangan guru lelaki. Kajian mungkin boleh melihat apakah faktor yang menyebabkan lelaki kurang berminat terhadap profesion perguruan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Rumusan

Dapatan yang dibincangkan dalam projek ini telah memberikan pendedahan dan maklumat yang berguna kepada penyelidik dan pembaca untuk memahami fenomena kesediaan pelajar menempuhi profesion perguruan. Walaupun kajian ini pada peringkat penerokaan dan pemahaman individu sahaja, tetapi dapatan yang diperolehi dapat memberikan pandangan dan maksud yang berguna kepada pihak-pihak tertentu dalam mendapatkan tenaga pengajar yang berkualiti pada masa akan datang. Cadangan dan kesimpulan yang diberikan juga diharap dapat membantu pihak-pihak seperti kementerian pendidikan, universiti-universiti dan mereka yang mempunyai kepentingan secara langsung dengan dunia pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Diserahkan disertasi kertas projek PAF 6006 sebagai memenuhi keperluan Pengijazahan Sarjana Pendidikan (Perakaunan) Universiti Pendidikan Sultan Idris kepada penyelia En. Mohd Abdullah bin Jusoh, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIBLIOGRAFI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIBLIOGRAFI

Buchmann, M., (1982). *The Flight Away from Content in Teacher Education and Teaching.* Journal of Curriculum Studies, 14,1.

Carlsen, W.S., (1987). *Why do you ask? The Effects of Science Teacher Subject Matter Knowledge on Teacher Questioning and Classroom Discourse.* Paper presented at The Annual Meeting of the American Educational Research Association (ERIC Document reproduction service N. ED 293181)

Carpenter, T.P., Fennema, E, Peterson, P & Carey, D., (1988). *Teachers' Pedagogical Content Knowledge of Students' Problem Solving in Elementary Arithmetic.* Journal of Research in Mathematics Education, 19, 385-401.

Crite, J.O. (1969). Vocational Psychology: *The Study of Vocational Behaviour and Development.* New York: Mc Graw Hill.

Cruz D' (1969). *A Study of Vocational Interests for Form Three and Form Five Students,* Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Gee, C.J. & et.al., (1990). *Preservice Elementary Teachers: Their Sciene Content Knowledge, Pedagogical Knowledge and Pedagogical Content Knowledge.* Paper presented at the Annual Meeting of the National Association for Research in Sciene Teaching. St. Louis, MO.

Gess-Newsome, J.& Ledermann, N., (1993). *Preservice Biology Teachers: Knowledge Structures as a Function of Professional Teacher Education. A Year Long Assessment.* Sciene Education, 77, 25-45.

Ginzberg, S.W and others (1951). *Occupational Choice- An Approach to General Theory.* New York: Colombia University Press.

Grasha, A. F. (1996). *Teaching with styles.* Cincinnati : Allience Pub.

Gudmundsdottir, S. & Sulman, L., (1987). *Pedagogical Content Knowledge in Social Studies.* Scandinavian Journal of Educational Research, 31, 59-70.

Hashweh, M., (1985). *An Exploratory Study of Teacher Knowledge and Teaching: The effect of Science Teacher's Knowledge of Subject Matter and Their Conceptions of learning on Their Teaching.* Disertasi tidak diterbitkan, Stanford University.

Hazan C. & Shaver, P.R. 1990. *Love and Work: An Attachment Theoretical Perspective.* Journal of Personality and Social Psychology 59: 270-280.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Holand, J.L. (1973). *Making Vocational Choices: A Theory of Careers.* New Jersey: Prentice Hall.

Hongren, Harrison & Bamber (2000). *Accounting,* 5th edition. Prentice Hall.

Howard, R.W., (1987). *Concept and Schemata.* Philadelphia, PA: Cassell.

Khalid Johari (2003). *Penyelidikan Dalam Pendidikan: Konsep dan Prosedur.* Malaysia: Prentice Hall.

Leinhardt, G. (1983). *Routines in Expert Math Teacher's Thoughts and Actions.* Paper presented at The Annual Meeting of the America Educational Research Association, Montreal, Canada.

Lilia Halim, Abd Razak Habib, Abd Rashid Johar & T.Subahan (2001). *Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Pelatih Fizik dan Bukan Fizik Melalui Pengajaran Eksplisit dan Implisit.* Diperoleh Mac 1, 2005 daripada http://www.penerbit.ukm.my.

Lim Khong Chiu & Leong Weng Tuck.(1990) *Iklim Kerja dan 'BURNOUT' Dikalangan Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.* Unit Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

Mack., Faite R., Smith., Vernon G., Norasing (2003). *African-American Honor Students' Perceptions of Teacher Education as a Career Choice.* America.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd. Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Mansur dan Siti Nornidar (1989). *Kaunseling Kerjaya: Teori dan Amalan.* Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Mohd. Sahandri Gani Hj. Hamzah. (1998). *Perbandingan Pola Komitmen Kerja Guru Pelatih dengan Pola Pengajaran dalam Praktikum.* Disertasi kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Yahya Mohamed Ariffin (2002). *Guru: Minat Faktor Penting.* Diperolehi Jan, 28, 2005 daripada http://www.tutor.com.my.

Mok Soon Sang (1988). *Pendidikan di Malaysia.* Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Noran Fauziah Yaakob & Ahmad Mahdzan Ayob (1990), *Guru dan Perguruan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Noran Fauziah Yaakob (1993). *Guru dan Pengurusan (edisi ke-2).* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noriah Mohd Ishak, Norsakinah Mohd (2003). *Kesan Interaksi antara Gaya Pertautan, Gaya Pengajaran dan Komitmen terhadap Profesion Perguruan*, Virtec Journal, 3, 27-44.

Peterson, Susan (1992). *Teachers of Tomorrow Academy Report. Survey/need Assessment: Pulaski County Teachers of Tomorrow Students.* Arkansas.

Shahrunizam Abdul Talib (1999). *Apabila Guru Lelaki Kurang.* Diperolehi Feb,12 2005 daripada http://www.dbp.gov.my.

Shetzer & Stone (1992). Terjemahan oleh Amla H.M Salleh, Puteh Mohamad, *Asas-asas Bimbingan* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shulman, L.S. 1987. *Knowledge and teaching: Foundations of the new reform.* Harvard Educational Review 57(1): 1-22.

Smith, D.D. & Neale, D. C., (1989) *The Construction of Subject Matter Knowledge in Primary Sciene Teaching.* Teaching & Education, 5(1), 1-20.

Sulaiman Masri (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis).* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tengku Zawawi (2003). *Pedagogical Content Knowledge.* Diperoleh Mac 16, 2005 daripada http://219.94.90.182/tzz/pck.

Tobin, K. & Garnett, P.J., (1984). *Reasoning Ability of Preservice Primary Teachers: Implications for Sciene Teaching.* The Australian Journal of Education. 28(1), 89-98.

Wilson, S.M., Shulman, L. S & Richert, A.E., (1987). *"150 Different ways" of Knowing: Representations of Knowledge inTeaching.* In H. Cladehead (Ed.), Exploring Teachers' Thinking, 102-124. Londong: Cassell.

Wong, Ray E (1994). *The Relationship Between Interest in Teaching as a Career Choice and Perceptions of School/ Classroom Environment of 7th and 8th Grade Students.* California

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN

1. SOAL SELIDIK
2. PENGKODAN PEMBOLEHUBAH SPSS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SOAL SELIDIK

KESEDIAAN PELAJAR PENDIDIKAN PERAKAUNAN MENEMPUHI PROFESION PERGURUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soal selidik ini mengandungi empat (4) bahagian. Pelajar dipohon untuk menandakan ruang yang berkenaan serta menjawab soalan-soalan yang dikemukakan berdasarkan sektor yang hendak dianalisis

BAHAGIAN A: MAKLUMAT RESPONDEN

Sila tandakan (/) di ruang yang bersesuaian.

1. Jantina

   Lelaki ☐

   Perempuan ☐

2. Etnik

   Melayu ☐

   Cina ☐

   India ☐

   Lain-lain ……(sila nyatakan)

3. Agama

   Islam ☐

   Kristian ☐

   Budha ☐

   Hindu ☐

   Lain-lain ……(sila nyatakan)

4. Pendidikan terakhir

   Diploma ☐

   STPM ☐

   Matrikulasi ☐

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAGIAN B : PENGETAHUAN TENTANG KURIKULUM

Sila bulatkan satu skor yang paling sesuai mengikut diri anda mengikut skala;

1 = sangat lemah
2 = lemah
3 = sederhana baik
4. = baik
5 = sangat baik

Bil	Topik					
1.	Menerangkan dengan jelas tentang pengertian perakaunan.	1	2	3	4	5
2.	Menerangkan tentang aset, liability ekuiti pemilik, hasil dan belanja secara terperinci.	1	2	3	4	5
3.	Menerangkan tentang dokumen perniagaan dengan jelas.	1	2	3	4	5
4.	Menerangkan dengan jelas tentang buku catatan pertama.	1	2	3	4	5
5.	Memerihalkan tentang lembaran imbangan duga dengan terperinci.	1	2	3	4	5
6.	Menerangkan tentang lejar dengan jelas.	1	2	3	4	5
7.	Menerangkan tentang penutupan akaun dan penyediaan penyata kewangan.	1	2	3	4	5
8.	Menerangkan tentang akaun kawalan.	1	2	3	4	5
9.	Menerangkan dengan jelas tentang pembetulan kesilapan dalam imbangan duga.	1	2	3	4	5
10.	Menerangkan perakaunan untuk tunai.	1	2	3	4	5
11.	Memberikan penerangan yang jelas tentang perkongsian.	1	2	3	4	5
12.	Menerangkan dengan jelas tentang syarikat berhad.	1	2	3	4	5
13.	Memerihalkan tentang akaun kelab dan persatuan.	1	2	3	4	5
14.	Memerihalkan tentang perakaunan kos.	1	2	3	4	5
15.	Memberi penerangan yang jelas tentang tafsiran penyata kewangan.	1	2	3	4	5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

16.	Memberi penerangan tentang pengaplikasian komputer dalam perakaunan.	1	2	3	4	5

BAHAGIAN C: STRATEGI INSTRUKSIONAL

Sila bulatkan satu skor yang paling sesuai mengikut diri anda mengikut skala;

1 = sangat tidak setuju
2. = tidak setuju
3 = kurang setuju
4. = setuju
5 = sangat setuju

Bil	Topik					
1.	Saya memiliki kemahiran dan pengetahuan untuk mengenali gaya belajar murid-murid saya.	1	2	3	4	5
2.	Saya berupaya merancang strategi untuk mengajar konsep yang terdapat dalam matapelajaran perakaunan sesuai dengan latar belakang dan gaya belajar murid-murid.	1	2	3	4	5
3.	Saya mampu menyediakan aktiviti-aktiviti pilihan yang boleh digunakan untuk mengajar konsep yang sama.	1	2	3	4	5
4.	Saya memiliki kemampuan untuk mengenalpasti perbezaan-perbezaan penting antara murid semasa pengajaran.	1	2	3	4	5
5.	Saya memiliki keupayaan yang kukuh dalam menyediakan pelbagai strategi untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid secara bersistem dengan menyediakan aktiviti yang sesuai untuk memenuhi pembelajaran murid.	1	2	3	4	5
6.	Saya bersedia untuk mengajar matapelajaran lain selain major saya seperti matematik.	1	2	3	4	5
7.	Selain major saya bersedia mengajar Bahasa Inggeris sekiranya saya diperlukan untuk mengajar.	1	2	3	4	5
8.	Saya memiliki kebolehan yang melibatkan murid secara individu dalam pelbagai bentuk aktiviti pembelajaran.	1	2	3	4	5
9.	Saya memiliki kebolehan yang melibatkan murid dalam pembelajaran secara berkumpulan dengan pelbagai	1	2	3	4	5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	bentuk aktiviti pembelajaran.					
10.	Saya memiliki kebolehan yang melibatkan murid dalam pelbagai aktiviti pembelajaran secara individu dan kumpulan.	1	2	3	4	5
11.	Saya menggunakan aktiviti sosial dan interaksi antara kumpulan asas pembelajaran konsep dan menggunakan strategi tersebut untuk menyokong kebolehan murid membentuk dan mengurus kumpulan mereka.	1	2	3	4	5
12.	Saya memiliki kebolehan mengenalpasti objektif pengajaran.	1	2	3	4	5
13.	Saya tahu memilih strategi pengajaran yang sesuai dengan objektif pengajaran yang hendak dicapai.	1	2	3	4	5
14.	Jika disoal, saya boleh memberi alasan secara rasional mengapa saya memilih strategi pengajaran tersebut untuk mencapai objekif pengajaran yang hendak dicapai.	1	2	3	4	5
15.	Saya seorang bakal guru yang fleksibel dalam merancang dan melaksanakan strategi pengajaran.	1	2	3	4	5
16.	Sebarang tindakan susulan terhadap aktiviti pengajaran yang hendak saya lakukan adalah berasaskan pemerhatian dan penilaian yang berterusan terhadap murid.	1	2	3	4	5
17.	Dalam mendidik murid-murid saya akan memberi latihan untuk dibuat dan dihantar untuk aktiviti pengukuhan.	1	2	3	4	5
18.	Saya bersedia membawa buku-buku latihan yang belum siap disemak untuk disemak di rumah.	1	2	3	4	5
19	Saya tidak bertolak ansur dengan murid yang tidak menghantar latihan yang telah diberikan.	1	2	3	4	5
20.	Saya akan menghukum murid yang tidak menyiapkan latihan.	1	2	3	4	5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAGIAN D : MINAT

Sila bulatkan satu skor yang paling sesuai mengikut diri anda mengikut skala;

1 = sangat tidak setuju
2 = tidak setuju
3 = kurang setuju
4 = setuju
5 = sangat setuju

Bil	Topik					
1.	Saya memilih bidang pendidikan untuk melanjutkan pelajaran bukan kerana bidang ini boleh menjanjikan kerja dengan cepat.	1	2	3	4	5
2.	Saya akan menerima kemana sahaja saya ditempatkan untuk mengajar.	1	2	3	4	5
3.	Saya melihat bidang perguruan ini sebagai bidang yang boleh memartabatkan lagi diri saya.	1	2	3	4	5
4.	Saya merasa puas bila dapat mencurahkan ilmu yang saya ada kepada orang lain.	1	2	3	4	5
5.	Saya memang bercita-cita untuk menjadi guru.	1	2	3	4	5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SOAL SELIDIK
(PENGKODAN SPSS)

KESEDIAAN PELAJAR PENDIDIKAN PERAKAUNAN MENEMPUHI PROFESION PERGURUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGENALAN

Pengkodan SPSS ini bertujuan untuk menjelaskan bagaimana ia direkodkan dan dianalisis dalam perisian SPSS ver 11.5. Setiap soalan mungkin hanya menggunakan satu pembolehubah (variable) atau boleh mewakili beberapa pembolehubah lain.

Soal selidik yang dibina mempunyai 45 soalan dan ia mewakili 45 pembolehubah yang akan ditafsir melalui perisian SPSS. Soal selidik ini mengandungi soalan yang berbentuk pilihan dan kadar yang diwakili oleh skala likert.

Setelah semua data-data yang diterima direkodkan melalui pengkodan ini, analisis berbentuk taburan, kekerapan dan hubungan antara pembolehubah akan dilakukan dan proses pengkodan semula akan dilakukan sekiranya ia dapat memberikan fenomena yang lebih jelas mengenai sesuatu persoalan yang dibina.

Untuk memudahkan analisis dilakukan ia dibahagikan kepada empat bahagian seperti berikut:

Bahagian A : Maklumat responden

Bahagian B : Pengetahuan tentang kurikulum

Bahagian C : Strategi instruksional

Bahagian D : Minat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAGIAN A: MAKLUMAT RESPONDEN

V1 **S1** Jantina

Lelaki	1
Perempuan	2

V2 **S2** Etnik

Melayu	1
Cina	2
India	3
Lain-lain	4

V3 **S3** Agama

Islam	1
Kristian	2
Budha	3
Hindu	4
Lain-lain	5

V4 **S4** Pendidikan terakhir

Diploma	1
STPM	2
Matrikulasi	3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAGIAN B : PENGETAHUAN TENTANG KURIKULUM

Sila bulatkan satu skor yang paling sesuai mengikut diri anda mengikut skala;

1 = sangat lemah
2 = lemah
3 = sederhana baik
4. = baik
5 = sangat baik

Bil	Topik					
1. **S5**	Menerangkan dengan jelas tentang pengertian perakaunan.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
2. **S6**	Menerangkan tentang aset, liability ekuiti pemilik, hasil dan belanja secara terperinci.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
3. **S7**	Menerangkan tentang dokumen perniagaan dengan jelas.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
4. **S8**	Menerangkan dengan jelas tentang buku catatan pertama.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
5. **S9**	Memerihalkan tentang lembaran imbangan duga dengan terperinci.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
6. **S10**	Menerangkan tentang lejar dengan jelas.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
7. **S11**	Menerangkan tentang penutupan akaun dan penyediaan penyata kewangan.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
8. **S12**	Menerangkan tentang akaun kawalan.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
9. **S13**	Menerangkan dengan jelas tentang pembetulan kesilapan dalam imbangan duga.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
10. **S14**	Menerangkan perakaunan untuk tunai.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
11. **S15**	Memberikan penerangan yang jelas tentang perkongsian.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
12. **S16**	Menerangkan dengan jelas tentang syarikat berhad.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
13. **S17**	Memerihalkan tentang akaun kelab dan persatuan.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
14. **S18**	Memerihalkan tentang perakaunan kos.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

15. S19	Memberi penerangan yang jelas tentang tafsiran penyata kewangan.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
16. S20	Memberi penerangan tentang pengaplikasian komputer dalam perakaunan.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)

BAHAGIAN C: STRATEGI INSTRUKSIONAL

Sila bulatkan satu skor yang paling sesuai mengikut diri anda mengikut skala;

1 = sangat tidak setuju
2. = tidak setuju
3 = kurang setuju
4. = setuju
5 = sangat setuju

Bil	Topik					
1. S21	Saya memiliki kemahiran dan pengetahuan untuk mengenali gaya belajar murid-murid saya.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
2. S22	Saya berupaya merancang strategi untuk mengajar konsep yang terdapat dalam matapelajaran perakaunan sesuai dengan latar belakang dan gaya belajar murid-murid.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
3. S23	Saya mampu menyediakan aktiviti-aktiviti pilihan yang boleh digunakan untuk mengajar konsep yang sama.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
4. S24	Saya memiliki kemampuan untuk mengenalpasti perbezaan-perbezaan penting antara murid semasa pengajaran.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
5. S25	Saya memiliki keupayaan yang kukuh dalam menyediakan pelbagai strategi untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid secara bersistem dengan menyediakan aktiviti yang sesuai untuk memenuhi pembelajaran murid.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
6. S26	Saya bersedia untuk mengajar matapelajaran lain selain major saya seperti matematik.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
7. S27	Selain major saya bersedia mengajar Bahasa Inggeris sekiranya saya diperlukan untuk mengajar.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
8. S28	Saya memiliki kebolehan yang melibatkan murid secara individu dalam pelbagai bentuk aktiviti pembelajaran.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

9. **S29**	Saya memiliki kebolehan yang melibatkan murid dalam pembelajaran secara berkumpulan dengan pelbagai bentuk aktiviti pembelajaran.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
10. **S30**	Saya memiliki kebolehan yang melibatkan murid dalam pelbagai aktiviti pembelajaran secara individu dan kumpulan.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
11. **S31**	Saya menggunakan aktiviti sosial dan interaksi antara kumpulan asas pembelajaran konsep dan menggunakan strategi tersebut untuk menyokong kebolehan murid membentuk dan mengurus kumpulan mereka.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
12. **S32**	Saya memiliki kebolehan mengenalpasti objektif pengajaran.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
13. **S33**	Saya tahu memilih strategi pengajaran yang sesuai dengan objektif pengajaran yang hendak dicapai.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
14. **S34**	Jika disoal, saya boleh memberi alasan secara rasional mengapa saya memilih strategi pengajaran tersebut untuk mencapai objekif pengajaran yang hendak dicapai.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
15. **S35**	Saya seorang bakal guru yang fleksibel dalam merancang dan melaksanakan strategi pengajaran.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
16. **S36**	Sebarang tindakan susulan terhadap aktiviti pengajaran yang hendak saya lakukan adalah berasaskan pemerhatian dan penilaian yang berterusan terhadap murid.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
17. **S37**	Dalam mendidik murid-murid saya akan memberi latihan untuk dibuat dan dihantar untuk aktiviti pengukuhan.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
18. **S38**	Saya bersedia membawa buku-buku latihan yang belum siap disemak untuk disemak di rumah.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
19 **S39**	Saya tidak bertolak ansur dengan murid yang tidak menghantar latihan yang telah diberikan.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
20. **S40**	Saya akan menghukum murid yang tidak menyiapkan latihan.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAGIAN D : MINAT

Sila bulatkan satu skor yang paling sesuai mengikut diri anda mengikut skala;

1 = sangat tidak setuju
2 = tidak setuju
3 = kurang setuju
4 = setuju
5 = sangat setuju

Bil	Topik					
1. **S41**	Saya memilih bidang pendidikan untuk melanjutkan pelajaran bukan kerana bidang ini boleh menjanjikan kerja dengan cepat.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
2. **S42**	Saya akan menerima kemana sahaja saya ditempatkan untuk mengajar.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
3. **S43**	Saya melihat bidang perguruan ini sebagai bidang yang boleh memartabatkan lagi diri saya.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
4. **S44**	Saya merasa puas bila dapat mencurahkan ilmu yang saya ada kepada orang lain.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)
5. **S45**	Saya memang bercita-cita untuk menjadi guru.	1 (1)	2 (2)	3 (3)	4 (4)	5 (5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi